

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 4/1978.**

---

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

CARA-CARA MEMPROSES RANCANGAN TANAH BERKELOMPOK.

Adalah didapati perjalanan bagi menyelesaikan rancangan-rancangan tanah berkelompok adalah berbeza dari daerah ke daerah dalam negeri ini. Bagi menyelaraskan perkara ini satu sistem telah dipersetujui sebagai panduan. Oleh yang demikian semua Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengambil perhatian bahawa cara-cara bagi memproseskan Rancangan Tanah Berkelompok yang dipersetujui itu adalah sebagaimana diatitkan di bawah ini:-

- a) Pemungut Hasil Tanah mengesan kawasan yang sesuai dijadikan Rancangan Tanah Berkelompok.
- b) Siasat termasuk mendapat pandangan dari Jabatan-jabatan yang berkenaan dan seterusnya menyediakan tatatur.
- c) Angkat lapuran yang lengkap, syor dan tatatur bagi timbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan (melalui Pengarah Tanah dan Galian) dengan menggunakan Lampiran 'A'.
- d) Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- e) Mengeluarkan pemberitahu dan menerima permohonan (dalam tempoh satu bulan). Borang permohonan seperti Lampiran 'B'.
- f) Mengadakan temuduga oleh Jawatankuasa Pemilihan Daerah. Senarai pemohon-pemohon seperti Lampiran 'C'.
- g) Diangkat bagi mendapat persetujuan YAB. Menteri Besar (Senarai peserta-peserta yang berjaya dan tidak berjaya).
- h) Peserta-peserta yang berjaya dan yang tidak berjaya diberitahu setelah mendapat persetujuan YAB. Menteri Besar.
- i) Penerimaan bayaran dan pembahagian lot.
- j) Tunjuk Lot.
- m) Persediaan P.U.
- n) Persediaan H.S.

- o) Lapuran tiap-tiap 3 bulan sekali hendaklah diangkat kepada Pengarah Tanah dan Gallan di atas perjalanan menyelesaikan Rancangan Tanah Berkelompok (bermula dari kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diterima oleh Pemungut Hasil Tanah sehingga Keterangan Hakmilik Sementara dikeluarkan) mengikut Lampiran 'D'.

t.t.  
 ( DATO' LELA JASA )  
 Pengarah Tanah dan Gallan,  
 Terengganu.

Bil. (30) dlm. PTG.TR. 13/66/1 (SEM).

s.k.  
 Yang Berhormat,  
 Setiausaha Kerajaan,  
 Terengganu.

Kuala Terengganu, 4hb. November, 1978.

KERTAS LAPURAN & PENGESYORAN KEPADA MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI

Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

Rancangan Tanah Berkelompok Untuk \_\_\_\_\_  
di Mukim \_\_\_\_\_  
Daerah \_\_\_\_\_

Para 1 - \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(Dipara ini nyatakan cadangan Rancangan Tanah Berkelompok, bagi maksud apa dan kedudukan tanah. Kembarkan 17 salinan pelan.

Para 2 - \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(Dipara ini nyatakan atas slasatan yang dibuat, keadaan tanah, kesesulan tanah, keadaan disekelliling tanah itu dan lain-lain lagi).

Para 3 - \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(Dipara ini nyatakan rujukan-rujukan yang dibuat berhubung dengan tanah ini dan nyatakan pendapat ikatan dan syarat-syarat yang dikehendaki oleh pihak-pihak yang berkenaan, jika ada).

Para 4 - \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(Dipara ini nyatakan pandangan dan syor Pemungut Hasil Tanah).

A - 1 -	i)	Keluasan Tanah (Sementara)	-
	ii)	Harga Tanah.	-
	iii)	Hasil Tanah	-
	iv)	Bayaran Pejabat	-
	v)	Bayaran Upah Ukur, Batu Sempadan dan persediaan Pelan.	-
	vi)	Suratan Hakmilik	-
	vii)	Jenis Penggunaan Tanah.	-

Syarat Nyata:

(Mengikut Sesuai)

Sekatan Kepentingan:

(Mengikut Sesuai)

- II. Tuan tanah ini hendaklah mendapatkan Hakmilik sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan menurut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.
- B- Pemungut Hasil Tanah .....hendaklah mengeluarkan Pemberitahuan Am kerana menjemput peserta-peserta bagi Rancangan Berkelompok Ini.
- C- Peserta-peserta bagi rancangan ini hendaklah dipilih oleh Jawatankuasa Pemilik Rancangan Tanah Daerah yang dilantik oleh Kerajaan.
- D- Senarai peserta-peserta yang berjaya dan tidak berjaya yang telah ditandatangani oleh Jawatankuasa Pemilih Rancangan Tanah Daerah hendaklah diangkat kepada YAB. Menteri Besar untuk dipersahkannya (dua salinan tiap-tiap satu).
- E- Lot-lot di dalam rancangan ini hendaklah dibahagikan kepada peserta-peserta yang berjaya dengan cara undi atau dengan lain-lain cara mengikut budicara Pemungut Hasil Tanah .....
- F- Kuasa meluluskan lot-lot dalam rancangan ini diperturunkan kepada Pemungut Hasil Tanah.....
- G- Peserta-peserta yang berjaya akan dikeluarkan Lesen Tumpangan Sementara dahulu bagi selama tiga (3) tahun sebagai percubaan dan dalam tempoh itu mereka yang mengusahakan lot yang diluluskan itu dengan memberi puashati kepada Pemungut Hasil Tanah ..... atau mana-mana pihak yang Berkuasa akan ditimbang secara kekal. Mana-mana peserta yang berjaya tetapi tidak mengusahakan tanah yang diluluskan itu dengan baik dalam masa tiga (3) tahun itu akan ditarik balik lot yang diperuntukkan kepadanya dan akan dipertimbangkan kepada mereka yang layak dan yang mengusahakannya. Bayaran-bayaran dan syarat-syarat bagi Lesen Tumpangan Sementara adalah seperti berikut:-
- a) Lesen Tumpangan Sementara:
- i) Keluasan Tanah
  - ii) Bayaran
  - iii) Kegunaan
- b) Syarat-syarat.
- Syarat-syarat yang sedia ada di dalam Borang 4A Seksyen 67 dan 68 Kanun Tanah Negara dikenakan ke atas pemegang lesen ini.
- H- Peserta-peserta yang berjaya dipilih untuk ditimbang secara kekal dikehendaki membuat permohonan tanah menurut Jadual 1 - Peraturan 2 - Peraturan Tanah Terengganu, 1966.



DAERAH : \_\_\_\_\_

LAMPIRAN D'

**LAPORAN KEMAJUAN RANCANGAN BERKELOMPOK**  
**BAGI BULAN \_\_\_\_\_ 1978**

Bil.	Nama Rancangan	Mukim Pergunaan	Keluasan Bili. Lot (Ekar)	Keluasan Tiap-tiap lot	Kemajuan